

TAHAP KOMPETENSI PELAJAR PISMP AMBILAN JUN 2020: KONSEPSI PELAJAR DAN GURU PEMBIMBING

¹Faridah Yakob, PhD, ²Mohd Aminudin Abu Bakar & ³Lee Leh Hong, PhD
^{1,2,3}Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur

Corresponding author: sharonlee@ipgkik.edu.my

Received: 29/4/2024 Revised: 30/6/2024 Accepted: 15/8/2024 Published: 10/10/2024

DOI: <https://doi.org/10.61374/temp12.24>

ABSTRAK

Standard Guru Malaysia (SGM) merupakan piawaian yang menggariskan kompetensi professional yang patut dicapai oleh guru, serta keperluan yang patut disediakan oleh agensi dan institusi latihan perguruan. Kajian ini dijalankan untuk meninjau konsepsi pelajar dan guru pembimbing praktikum fasa 2 terhadap tahap kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2020 yang baharu menamatkan pengajian mereka selama lima (5) tahun. Dimensi Kompetensi dalam Kerangka SGM 2.0 menjadi rujukan utama. Terdapat empat domain dalam kerangka ini, iaitu orientasi ilmu, instruksional, kualiti peribadi dan pelibatan komuniti. Dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya tahap kompetensi pelajar berada pada min = 2.86 manakala konsepsi guru pembimbing pula menunjukkan tahap kompetensi pelajar ini berada pada min = 2.96 iaitu lebih tinggi berbanding konsepsi pelajar. Data menunjukkan pelajar mencapai standard kompetensi SGM 2.0 bermakna mereka mempunyai kompetensi yang memenuhi keperluan minimum tetapi masih perlu mempertingkatkan aspek profesionalisme. Pengkaji mencadangkan agar pelajar-pelajar ini harus mempunyai sikap keterbukaan yang tinggi untuk menerima perubahan dasar seperti MADANI, tujuh (7) teras utama KPM, serta daya tahan dengan cabaran global. Pengkaji juga mencadangkan agar IPGM merancang dan membangunkan program atau aktiviti yang mengambilkira semua elemen-elemen yang terdapat dalam Model karakter pelajar IPG dan Model Guru Versatil untuk membangunkan graduan yang versatil, bakal menjadi pengamal yang profesional dan pembina negara bangsa.

Kata kunci: Standard Guru Malaysia, orientasi ilmu, instruksional, pelibatan komuniti, kualiti peribadi

ABSTRACT

Malaysian Teacher Standard (Standard Guru Malaysia-SGM) is a standard that outlines the professional competencies that should be achieved by teachers, as well as the requirements that should be provided by teacher training agencies and institutions. This study was conducted to review the conceptions of students and mentor teachers during the second phase of practicum regarding the competency level of PISMP students who enrolled in June 2020 and have just completed their five (5) years of study. The Competency Dimensions in the SGM 2.0 framework served as the main reference. There are four domains in this framework, namely knowledge orientation, instructional, personal quality, and community involvement. The study findings indicate that overall, the students' competency level is at a mean of 2.86, while the mentor teachers' perception shows that the students' competency level is at a mean of 2.96, which is higher compared to the students' own perceptions. The data shows that the students have met the competency standards of SGM 2.0, meaning they possess competencies that meet the minimum requirements but nevertheless they do require to enhance their professionalism. The researchers suggest that these students should maintain a high level of openness to accept policy changes such as MADANI, the seven (7) core thrusts of MOE, and resilience in facing global challenges. The researchers also recommend that IPGM plan and develop programmes or activities that take into account all the elements present in the IPG Student Character Model and the Versatile Teacher Model to develop versatile graduates who are future professionals and nation-builders.

Keywords: *Malaysian Teacher Standard, knowledge orientation, instructional, community involvement, personal quality*

PENGENALAN

Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) sebagai Peneraju Kecemerlangan Pendidikan Guru telah diamanahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melahirkan guru siswazah yang terlatih. Program pengajian yang ditawarkan oleh IPGM adalah untuk menyediakan bakal guru dengan pengetahuan dan kemahiran asas yang berkaitan dengan amalan pedagogi serta membangunkan guru masa hadapan yang dapat menjalankan peranannya dengan cemerlang di sekolah kelak. Secara umumnya, matlamat program ini adalah untuk melahirkan guru-guru siswazah yang terlatih, dinamik, berwibawa dan kompeten dalam melaksanakan tugas-tugas mereka sebagai pendidik dan memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru (IPGM, 2017). Dalam usaha ini, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGMKIK) berharap dapat menghasilkan graduan keluaran IPGMKIK yang kompeten dan berjiwa pendidik sejajar dengan kompetensi yang digariskan dalam Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM 2.0) serta mempunyai karakter pelajar IPG yang menjadi pengamal profesional dan pembina negara bangsa.

SGM 2.0 telah dihasilkan pada 2020 dan diterbitkan dalam cetakan pertama pada 2020 menggantikan SGM bagi memastikan kompetensi guru yang disenaraikan bersesuaian dengan perubahan terkini pendidikan dalam abad ke-21 dan Revolusi Industri 4.0. Dokumen ini menjelaskan kompetensi yang perlu dimiliki seorang guru pada pelbagai tahap pembangunan profesionalisme untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan (Makhsin et al, 2022). Kompetensi dalam SGM 2.0 ini diharapkan dapat melahirkan guru yang berjiwa pendidik dan perlu digunakan sebagai panduan untuk mengenal pasti pengetahuan, kemahiran dan amalan profesional bagi seseorang guru supaya dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan dan seterusnya dapat merancang pembangunan profesional sendiri mengikut keperluan masing-masing.

PERNYATAAN MASALAH

Konsep guru berkualiti banyak dibincangkan dalam persekitaran pembelajaran kontemporari. Isu berkaitan kualiti guru dan etika profesion keguruan sering berlaku di negara kita. Ini menunjukkan kekurangan ruang penambahbaikan dalam pembangunan profesionalisme keguruan. Rusmini Ku Ahmad (2014) menyatakan bahawa guru perlu kekal berkualiti, relevan dan berdaya saing sepanjang perkhidmatan mereka. Menurut beliau juga, guru perlu menguasai aspek insaniah dalam melaksanakan tugas sebagai guru disokong dengan beberapa aspek lain seperti kemahiran penyelesaian masalah, komunikasi, kerja berpasukan dan berkolaboratif serta kreatif dan berinovatif.

Selain itu, isu guru kurang menghayati profesion keguruan khususnya dari aspek amalannya, iaitu amalan sedia berkorban yang rendah (Sazali, Yusof et al., 2018). Ini juga bermakna bahawa kurangnya sifat seorang guru yang berjiwa pendidik. Menurut Mohd Aizat Abu Hassan dan Kamarudin Musa (2020), keperibadian guru memainkan peranan utama dalam profesionalisme keguruan. Setiap guru harus memiliki sifat amanah dan ikhlas bagi menunaikan tanggungjawab sebagai seorang guru berpandukan etika keguruan.

Setiap tahun, graduan IPG ditempatkan ke sekolah-sekolah di seluruh negara berdasarkan bidang penghususan dan keperluan negara setelah mengikuti pembelajaran selama lima (5) tahun iaitu program persediaan satu (1) tahun dan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) empat (4) tahun. Hasrat IPGM adalah melahirkan bakal guru yang kompeten dan berjiwa pendidik. Namun, kompetensi mereka ini perlu dikaji sebelum mereka melangkah ke alam pekerjaan demi menjaga kualiti dan memastikan graduan yang dihasilkan IPGM ini menepati standard kompetensi guru seperti yang digariskan dalam SGM 2.0 serta menjadi guru yang mengamalkan elemen-elemen karakter IPG. SGM 2.0 merupakan satu standard yang dapat menjadi penandaaras kepada IPGMKIK dalam melahirkan guru yang kompeten dan berjiwa pendidik. Sehubungan dengan itu, untuk memastikan kualiti graduan IPG bertepatan dengan standard SGM 2.0, maka amat perlu untuk IPGMKIK mengkaji

tahap kompetensi bakal graduan IPG ini yang baharu menamatkan pengajian serta melalui semua program pembangunan kompetensi guru yang telah distrukturkan oleh IPGM. Ini adalah bagi memastikan bahawa graduan keluaran IPGMKIK merupakan seorang bakal guru yang kompeten dan berjiwa pendidik sebelum mereka dilantik menjadi guru terlatih. Tambahan lagi dalam kajian Maksin et al. (2022) mendapati bahawa ramai guru kurang jelas dengan objektif dan kandungan Standard Guru Malaysia 2.0 dan pihak yang bertanggungjawab perlu memberi pendedahan secara lebih mendalam kepada guru. Standard Guru Malaysia 2.0 adalah satu dokumen rujukan yang komprehensif agar dapat membantu guru dalam pelaksanaan PdP dengan berkesan dan diharapkan guru jelas dengan tanggungjawab mereka terhadap profesion, murid, ibu bapa, masyarakat dan negara.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti konsepsi pelajar dan guru pembimbing terhadap tahap kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2020 IPGMKIK berdasarkan SGM 2.0.

SOALAN KAJIAN

1. Apakah tahap kompetensi SGM 2.0 pelajar PISMP Ambilan Jun 2020?
2. Apakah tahap kompetensi domain orientasi ilmu pelajar PISMP Ambilan Jun 2020 IPGMKIK?
3. Apakah tahap kompetensi domain instruksional pelajar PISMP Ambilan Jun 2020 IPGMKIK?
4. Apakah tahap kompetensi domain pelibatan komuniti pelajar PISMP Ambilan Jun 2020 IPGMKIK?
5. Apakah tahap kompetensi domain kualiti peribadi pelajar PISMP Ambilan Jun 2020 IPGMKIK?

TINJAUAN LITERATUR

Guru bukan sekadar mengajar tentang akhlak yang baik, tetapi juga perlu menunjukkan teladan perwatakan yang baik kepada muridnya (Rizki Hardiyanti, 2016). Tambahan beliau, faktor utama kejayaan pendidikan karakter di sekolah atau di institut pendidikan lain ialah karakter pendidiknya. Sebagai guru, mereka perlu sedar bahawa murid mereka akan mencontohi perwatakan mereka. Guru pelatih perlu dinilai kualiti dan karakter mereka dari masa ke semasa kerana ini akan dapat membantu meningkatkan kualiti graduan yang dihasilkan (Orakwue, 2016). Terdapat banyak elemen yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji lepas untuk mengukur kualiti guru dan elemen yang utama sekali dalam kebanyakan kajian lepas adalah strategi pengajaran dan pembelajaran. Strategi pengajaran dan pembelajaran ialah suatu aktiviti yang melibatkan dua pihak iaitu pendidik dan murid atau pelajar untuk mencapai objektif pembelajaran (Hasriadi, 2022). Pengajaran dan pembelajaran efektif memerlukan guru yang kompeten dalam pelbagai jenis strategi pembelajaran untuk menyampaikan ilmu secara berkesan. Ini secara tidak langsung meliputi teori, pendekatan dan teknik pengajaran. Dalam Model SGM 2.0, guru perlu kompeten dalam merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta pentaksiran untuk menghasilkan murid yang holistik. Oleh itu, guru praperkhidmatan perlu menguasai pendekatan, strategi serta teknik pembelajaran yang relevan dengan arus pendidikan terkini untuk menyampaikan pembelajaran yang berkesan dan bermakna. Selain itu, amalan pedagogi abad ke-21 yang menitik beratkan penghayatan 6C iaitu komunikasi, pembelajaran kolaboratif, pemikiran kreatif, pemikiran kritis, karakter dan kewarganegaraan perlu dikuasai oleh guru praperkhidmatan (Mohd Zailani & Mohamed Khairi, 2021). Ini akan membantu dan menyumbang kepada guru pelatih yang berkualiti, kompeten dan dinamik. Selain itu, elemen pengurusan dan hal ehwal murid serta pelibatan komuniti juga tidak dapat diketepikan. Oleh yang demikian domain dan kompetensi Kerangka SGM 2.0 digunakan sebagai rujukan utama dalam kajian ini.

Kerangka Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM 2.0)

SGM 2.0 merupakan piawaian yang menggariskan kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru dalam membentuk jiwa pendidik yang sempurna dan holistik (KPM, 2020). Kerangka SGM 2.0 didasari oleh dua komponen utama, iaitu dimensi kompetensi dan etika keguruan. Dimensi kompetensi terdiri daripada empat domain, iaitu orientasi ilmu, instruksional, pelibatan komuniti, dan kualiti peribadi. Empat (4) domain ini mengandungi 15 kompetensi dan 35 elemen. Kerangka ini juga merangkumi etika keguruan yang dijelaskan melalui empat teras, iaitu tanggungjawab terhadap profesion, tanggungjawab terhadap murid, tanggungjawab terhadap ibu bapa/ penjaga, dan tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara.

Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan kepada domain kompetensi Kerangka SGM 2.0 iaitu yang terdiri daripada empat (4) domain. Domain merangkumi tindakan atau perlakuan profesional seorang guru semasa mengaplikasikan ilmu, kemahiran dan keperibadian dalam konteks PdP serta merupakan ciri-ciri yang membawa kepada pencapaian sesuatu standard kompetensi. Terdapat empat (4) domain yang disenaraikan dalam SGM 2.0 iaitu orientasi ilmu, instruksional, pelibatan komuniti dan kualiti peribadi dapat membantu guru dalam pelaksanaan PdP yang berkesan. Setiap domain diperincikan dengan kompetensi, elemen, dan deskriptor. Terdapat sebanyak 15 kompetensi dalam kerangka ini iaitu merupakan aspek nilai profesional, pengetahuan dan kemahiran yang terdiri daripada kombinasi ciri-ciri kualiti dan keupayaan profesional yang perlu bagi memastikan prestasi yang tinggi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab seorang guru. Setiap kompetensi tersebut diperincikan melalui elemen masing-masing. Terdapat sebanyak 35 elemen dalam kerangka ini Elemen merujuk kepada tindakan atau perlakuan profesional guru semasa mengaplikasikan ilmu, kemahiran, dan keperibadian dalam konteks PdP. Jiwa pendidik dalam Kerangka SGM 2.0 (2020) merujuk kepada kepercayaan asasi yang membentuk gaya fikir dan amalan seseorang guru. Guru berjiwa pendidik perlu mempercayai bahawa ilmu mesti dicari secara sukarela dan berterusan untuk membentuk keperibadian, perwatakan serta profesionalisme seseorang guru (SGM, 2020). Dalam konteks ini, guru berjiwa pendidik hendaklah profesional untuk memahami tugas dan tanggungjawab secara terperinci.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif sebagai cara mengumpul data utama melalui kaedah kajian tinjauan. Sampel kajian ini adalah seramai 342 orang pelajar yang merupakan populasi pelajar Ambilan Jun 2020 yang telah mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) di IPG Kampus Ilmu Khas serta guru pembimbing mereka semasa Praktikum Fasa 2. Senarai Semak Kompetensi Diri (SSKD) telah diedarkan secara talian menggunakan *google form* kepada mereka serta guru pembimbing. SSKD meliputi lima (5) bahagian seperti yang berikut;

- Bahagian A : Demografi Responden
- Bahagian B : Domain Orientasi Ilmu
- Bahagian C : Domain Instruksional
- Bahagian D : Domain Pelibatan Komuniti
- Bahagian E : Domain Kualiti Peribadi

Senarai Semak Kompetensi Diri (SSKD) merupakan panduan kepada guru untuk mengenal pasti keupayaan sedia ada bagi merancang pembangunan profesionalisme sendiri secara berterusan. SSKD disusun berdasarkan Domain, Kompetensi, Elemen, dan Deskriptor seperti yang terkandung dalam SGM 2.0.

Jadual 1

Jadual Deskriptor SSKD

Tahap	Penjelasan Tahap
1 Saya belum berupaya	Terdapat kelemahan yang memerlukan tindakan penambahbaikan
2 Saya berupaya tetapi perlu belajar lagi	Mempunyai kekuatan yang memenuhi keperluan minimum tetapi perlu mempertingkatkan aspek profesionalisme
3 Saya berupaya dengan baik	Banyak kekuatan yang melebihi keperluan minimum
4 Saya sangat berupaya dan boleh membimbing individu lain	Kekuatan keseluruhan yang sangat jelas dan mempunyai nilai tambah yang dapat dikongsi bersama-sama individu lain

Sumber: Standard Guru Malaysia 2.0 cetakan pertama (2020), Kementerian Pendidikan Malaysia

Jadual 1 di atas menunjukkan deskriptor SSKD disediakan mengikut empat (4) tahap keupayaan. Deskriptor merupakan huraian tindakan atau perlakuan profesional yang boleh dilihat dan diukur bagi setiap elemen. Deskriptor ini dijadikan instrumen penilaian sendiri seperti di Senarai Semak Kompetensi Diri (SSKD) bagi mengenal pasti standard kompetensi guru.

DAPATAN KAJIAN

Data-data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan program `Statistical Package for the Social Science (SPSS) Version 22.0. Pengkaji melaksanakan pentaksiran skor min berasaskan Senarai Semak Kompetensi Diri (SSKD) Standard Guru Malaysia 2.0 (KPM, 2020) dengan menginterpretasikan min tahap kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2020 IPGMKIK dalam kajian ini seperti dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2

Jadual Interpretasi Tahap SSKD

Tahap	Interpretasi Tahap SSKD
1.00-2.00	Keupayaan sendiri yang dinilai pada tahap "Saya berupaya tetapi perlu belajar lagi" atau "saya belum berupaya". Ini menunjukkan guru hanya mencapai standard kompetensi minima dan perlu meningkatkan kompetensi melalui PPB yang bersesuaian mengikut keperluan guru.
2.01-4.00	Keupayaan sendiri yang dinilai pada tahap "Saya sangat berupaya dan boleh membimbing individu lain" atau "saya berupaya dengan baik". Ini menunjukkan guru telah berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0.

Sumber: Standard Guru Malaysia 2.0 cetakan pertama (2020), Kementerian Pendidikan Malaysia

Profil Responden Kajian

Seramai 338 orang pelajar PISMP Ambilan Jun 2020 telah memberikan respon kepada SSKD iaitu merupakan 98.8% populasi pelajar PISMP Ambilan Jun 2020 yang terdiri daripada 342 orang manakala seramai 66 orang guru pembimbing praktikum Fasa 2 telah memberikan respon kepada SSKD. Jadual 3 di bawah menunjukkan bahawa responden pelajar terdiri daripada 126 (37.3%) lelaki dan 212 (62.7%) adalah perempuan manakala responden guru pembimbing pula terdiri daripada 13 (19.7%) lelaki dan 53 (80.35) adalah perempuan.

Jadual 3*Taburan Responden Kajian Mengikut Jantina*

Responden	Pelajar		Guru Pembimbing	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Lelaki	126	37.3	13	19.7
Perempuan	212	62.7	53	80.3
Jumlah	338	100.0	66	100.0

Jadual 4*Taburan Responden Kajian Mengikut Bidang Pengkhususan*

Bil	Pengkhususan Pengajian	Bil	Peratus (%)
1	P.Khas Masalah Penglihatan	10	3.0
2	P.Khas Masalah Pendengaran	18	5.3
3	Pendidikan Muzik	19	5.6
4	Pendidikan Seni Visual	60	17.8
5	Pendidikan Islam	76	22.5
6	Pengajian Bahasa Melayu	71	21.0
7	Pengkhususan Bahasa Inggeris (TESL)	24	7.0
8	Pendidikan Jasmani & Kesihatan	60	17.8
	Keseluruhan	338	100.0

Jadual 4 di atas menunjukkan taburan responden kajian daripada lapan (8) bidang pengkhususan iaitu seramai 10 (3.0%) pelajar daripada Pendidikan Khas Masalah Penglihatan, 18 (5.3%) pelajar daripada Pendidikan Khas Masalah Pendengaran, 19 (5.6%) pelajar daripada Pendidikan Muzik, 60 (17.8%) pelajar daripada Pendidikan Seni Visual, 76 (22.5%) pelajar daripada Pendidikan Islam, 71 (21.0%) pelajar daripada Pengajian Bahasa Melayu, 24 (7.0%) pelajar daripada Pengkhususan Bahasa Inggeris dan 60 (17.8%) pelajar daripada Pendidikan Jasmani dan Kesihatan.

Tahap kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2020 IPGMKIK berdasarkan SGM 2.0

Tahap kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2020 IPGMKIK dianalisis berdasarkan empat (4) domain iaitu orientasi ilmu, instruksional, pelibatan komuniti dan kualiti peribadi dalam SGM 2.0. Bagi menjawab persoalan kajian pertama apakah tahap kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2020 IPGMKIK berdasarkan SGM 2.0 dapatan kajian ditunjukkan dalam Jadual 5. Berdasarkan Jadual 5 di atas, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kompetensi keseluruhan domain SGM 2.0 pelajar PISMP Ambilan Jun 2020 IPGMKIK berada pada min=2.86 dan min=2.96. Ini menunjukkan bahawa pelajar telah berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0 dalam keempat-empat domain SGM 2.0.

Jadual 5*Tahap Kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2020 IPGMKIK Berdasarkan SGM 2.0*

Domain	Min (pelajar)	Min (guru pembimbing)
Orientasi Ilmu	2.81	3.05
Instruksional	2.95	3.13
Pelibatan Komuniti	2.87	2.82
Kualiti Peribadi	2.79	2.84
Keseluruhan	2.86	2.96

Tahap kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2020 IPGMKIK berdasarkan SGM 2.0 dari domain orientasi ilmu, instruksional, pelibatan komuniti dan kualiti peribadi.

Dapatan kajian tentang tahap kompetensi pelajar dibincangkan berdasarkan setiap domain kompetensi SGM 2.0 iaitu domain orientasi ilmu, domain instruksional, domain pelibatan komuniti dan domain kualiti peribadi.

Tahap kompetensi domain orientasi ilmu pelajar PISMP Ambilan Jun 2020 IPGMKIK

Domain orientasi ilmu mempunyai empat (4) kompetensi. Kompetensi yang pertama adalah mendalami dan meluaskan pengetahuan pengajaran dan pembelajaran (PdP) iaitu keupayaan menguasai dan memperluaskan pengetahuan pedagogi isi kandungan bagi mendapatkan pengetahuan PdP yang mendalam. Kompetensi yang kedua adalah memahami falsafah, dasar, kurikulum dan kokurikulum iaitu keupayaan memahami falsafah, dasar dan menguasai pelaksanaan kurikulum dan kokurikulum. Kompetensi yang ketiga adalah mengemas kini pengetahuan dari semasa ke semasa berdasarkan trend dan perkembangan pendidikan terkini iaitu keupayaan mengikut trend selari dengan perkembangan pendidikan terkini untuk keperluan pendidikan semasa. Kompetensi yang keempat adalah memahami dan mendalami pengetahuan dalam pengurusan organisasi dan hal ehwal murid iaitu keupayaan mendalami pengetahuan dalam bidang pengurusan organisasi dan hal ehwal murid selaras dengan hala tuju organisasi.

Jadual 6

Tahap kompetensi domain orientasi ilmu pelajar PISMP Ambilan Jun 2020 IPGMKIK

Kompetensi	Bilangan Item	Min (pelajar)	Min (guru pembimbing)
Menguasai dan memperluaskan pengetahuan pedagogi isi kandungan bagi mendapatkan pengetahuan PdP yang mendalam	10	2.96	3.16
Memahami falsafah, dasar dan menguasai pelaksanaan kurikulum dan kokurikulum	12	2.89	3.04
Mengikut trend selari dengan perkembangan pendidikan terkini untuk keperluan pendidikan semasa	8	2.83	3.18
Mendalami pengetahuan dalam bidang pengurusan organisasi dan hal ehwal murid selaras dengan hala tuju organisasi	6	2.58	2.68
Keseluruhan	36	2.81	3.05

Berdasarkan Jadual 6 di atas, menunjukkan bahawa min keseluruhan tahap konsepsi pelajar dalam domain orientasi ilmu adalah 2.81 manakala daripada tahap konsepsi guru pembimbing pula adalah lebih tinggi iaitu 3.05. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar telah berjaya mencapai kesemua standard kompetensi SGM 2.0 bagi domain orientasi ilmu. Dapatan konsepsi pelajar menunjukkan min yang tertinggi bagi kompetensi domain ini adalah menguasai dan memperluaskan pengetahuan pedagogi isi kandungan bagi mendapatkan pengetahuan PdP yang mendalam iaitu 2.56 manakala min kompetensi yang terendah adalah kompetensi mendalami pengetahuan dalam bidang pengurusan organisasi dan hal ehwal murid selaras dengan hala tuju organisasi adalah 2.58. Guru pembimbing pula berkonsepsi bahawa kompetensi pelajar mengikut trend selari dengan perkembangan pendidikan terkini untuk keperluan pendidikan semasa mempunyai min yang tertinggi iaitu 3.18 manakala kompetensi mendalami pengetahuan dalam bidang pengurusan organisasi dan hal ehwal murid selaras dengan hala tuju organisasi adalah 2.68.

Tahap kompetensi domain instruksional pelajar PISMP Ambilan Jun 2020 IPGMKIK

Domain instruksional mempunyai empat (4) kompetensi. Kompetensi yang pertama adalah memfokuskan perkembangan potensi murid iaitu keupayaan mengenal pasti keperluan, potensi dan keunikan murid untuk memperkembangkan pengetahuan, kemahiran dan sahsiah murid bagi pembelajaran yang bermakna. Kompetensi yang kedua adalah merancang PdP iaitu keupayaan merancang PdP dengan merujuk kepada dokumen kurikulum terkini untuk membangunkan potensi murid secara menyeluruh. Kompetensi yang ketiga adalah melaksanakan PdP iaitu keupayaan melaksanakan PdP menggunakan pedagogi yang bersesuaian dengan aras keupayaan murid. Kompetensi yang keempat adalah melaksanakan pentaksiran pembelajaran iaitu keupayaan untuk melaksanakan pentaksiran yang bersesuaian dengan aras keupayaan murid bagi meningkatkan pembelajaran murid.

Jadual 7

Tahap kompetensi domain instruksional pelajar PISMP Ambilan Jun 2020 IPGMKIK

Kompetensi	Bilangan Item	Min (pelajar)	Min (guru pembimbing)
Memfokuskan perkembangan potensi murid iaitu keupayaan mengenal pasti keperluan, potensi dan keunikan murid untuk memperkembangkan pengetahuan, kemahiran dan sahsiah murid bagi pembelajaran yang bermakna	17	2.89	3.29
Merancang PdP iaitu keupayaan merancang PdP dengan merujuk kepada dokumen kurikulum terkini untuk membangunkan potensi murid secara menyeluruh	7	3.20	3.25
Melaksanakan PdP iaitu keupayaan melaksanakan PdP menggunakan pedagogi yang bersesuaian dengan aras keupayaan murid	21	2.78	3.08
Melaksanakan pentaksiran pembelajaran iaitu keupayaan untuk melaksanakan pentaksiran yang bersesuaian dengan aras keupayaan murid bagi meningkatkan pembelajaran murid	17	2.92	2.90
Keseluruhan	62	2.95	3.13

Berdasarkan Jadual 7 di atas, menunjukkan bahawa min keseluruhan tahap konsepsi pelajar dalam domain instruksional adalah 2.95 manakala daripada tahap konsepsi guru pembimbing pula adalah lebih tinggi iaitu 3.13. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar telah berjaya mencapai kesemua standard kompetensi SGM 2.0 bagi domain instruksional. Dapatan konsepsi pelajar menunjukkan min yang tertinggi bagi kompetensi domain ini adalah merancang PdP iaitu keupayaan merancang PdP dengan merujuk kepada dokumen kurikulum terkini untuk membangunkan potensi murid secara menyeluruh iaitu 3.20 manakala min kompetensi yang terendah adalah kompetensi melaksanakan PdP iaitu keupayaan melaksanakan PdP menggunakan pedagogi yang bersesuaian dengan aras keupayaan murid iaitu 2.78. Guru pembimbing pula berkonsepsi bahawa kompetensi pelajar memfokuskan perkembangan potensi murid iaitu keupayaan mengenal pasti keperluan, potensi dan keunikan murid untuk memperkembangkan pengetahuan, kemahiran dan sahsiah murid bagi pembelajaran yang bermakna mempunyai min yang tertinggi iaitu 3.29 manakala kompetensi Melaksanakan pentaksiran pembelajaran iaitu keupayaan untuk melaksanakan pentaksiran yang bersesuaian dengan aras keupayaan murid bagi meningkatkan pembelajaran murid adalah 2.90.

Tahap kompetensi domain pelibatan komuniti pelajar PISMP Ambilan Jun 2020 IPGMKIK

Domain pelibatan komuniti mempunyai tiga (3) kompetensi. Kompetensi yang pertama adalah membina jalinan dan jaringan dengan ibu bapa/penjaga serta komuniti luar untuk menyokong pembelajaran murid iaitu keupayaan membina jalinan dan jaringan serta perkongsian pintar bersama-sama ibu bapa/penjaga dan komuniti luar untuk menyokong pembelajaran murid. Kompetensi yang kedua adalah melibatkan komuniti untuk membantu pembelajaran murid iaitu keupayaan melibatkan komuniti untuk memperkaya pembelajaran murid. Kompetensi yang ketiga adalah meraikan kepelbagaian komuniti iaitu keupayaan menerima dan menghormati kepelbagaian dalam komuniti untuk manfaat bersama.

Berdasarkan Jadual 8, menunjukkan bahawa min keseluruhan tahap konsepsi pelajar dalam domain pelibatan komuniti adalah 2.87 manakala daripada tahap konsepsi guru pembimbing pula adalah lebih tinggi iaitu 2.82. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar telah berjaya mencapai kesemua standard kompetensi SGM 2.0 bagi domain pelibatan komuniti. Dapatan konsepsi pelajar dan guru pembimbing menunjukkan min yang tertinggi bagi kompetensi domain ini adalah melibatkan komuniti untuk membantu pembelajaran murid iaitu keupayaan melibatkan komuniti untuk memperkaya pembelajaran murid iaitu 2.96 dan 2.92. Manakala min kompetensi yang terendah adalah kompetensi membina jalinan dan jaringan dengan ibu bapa/penjaga serta komuniti luar untuk menyokong pembelajaran murid iaitu keupayaan membina jalinan dan jaringan serta perkongsian pintar bersama-sama ibu bapa/penjaga dan komuniti luar untuk menyokong pembelajaran murid iaitu 2.73 dan 2.68.

Jadual 8

Tahap kompetensi domain pelibatan komuniti pelajar PISMP Ambilan Jun 2020 IPGMKIK

Kompetensi	Bilangan Item	Min (pelajar)	Min (guru pembimbing)
Membina jalinan dan jaringan dengan ibu bapa/penjaga serta komuniti luar untuk menyokong pembelajaran murid iaitu keupayaan membina jalinan dan jaringan serta perkongsian pintar bersama-sama ibu bapa/penjaga dan komuniti luar untuk menyokong pembelajaran murid	8	2.73	2.68
Melibatkan komuniti untuk membantu pembelajaran murid iaitu keupayaan melibatkan komuniti untuk memperkaya pembelajaran murid	9	2.96	2.92
Meraikan kepelbagaian komuniti iaitu keupayaan menerima dan menghormati kepelbagaian dalam komuniti untuk manfaat bersama	11	2.92	2.86
Keseluruhan	28	2.87	2.82

Tahap kompetensi domain kualiti peribadi pelajar PISMP Ambilan Jun 2020 IPGMKIK

Domain kualiti peribadi mempunyai empat (4) kompetensi. Kompetensi yang pertama adalah mengamalkan peningkatan dan refleksi sendiri iaitu keupayaan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri untuk meningkatkan keupayaan dan kualiti peribadi. Kompetensi yang kedua adalah menjiwai amalan keguruan dan budaya kerja iaitu keupayaan mengekalkan integriti, kredibiliti dan akauntabiliti untuk memartabatkan profesion keguruan. Kompetensi yang ketiga adalah mengamalkan gaya kepimpinan pendidik yang bersifat insaniah iaitu keupayaan untuk menonjolkan keperibadian, perwatakan dan amalan kepimpinan yang dihormati dan disegani. Kompetensi yang keempat adalah

menerima kepelbagaian budaya iaitu keupayaan untuk menghormati perbezaan dan persamaan individu lain dan komuniti bagi melaksanakan tanggungjawab.

Jadual 9

Tahap kompetensi domain kualiti peribadi pelajar PISMP Ambilan Jun 2020 IPGMKIK

Kompetensi	Bilangan Item	Min (pelajar)	Min (guru pembimbing)
Mengamalkan peningkatan dan refleksi sendiri iaitu keupayaan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri untuk meningkatkan keupayaan dan kualiti peribadi	9	2.85	2.88
Menjiwai amalan keguruan dan budaya kerja iaitu keupayaan mengekalkan integriti, kredibiliti dan akauntabiliti untuk memartabatkan profesion keguruan	16	2.72	2.98
Mengamalkan gaya kepimpinan pendidik yang bersifat insaniah iaitu keupayaan untuk menonjolkan keperibadian, perwatakan dan amalan kepimpinan yang dihormati dan disegani	12	2.96	2.92
Menerima kepelbagaian budaya iaitu keupayaan untuk menghormati perbezaan dan persamaan individu lain dan komuniti bagi melaksanakan tanggungjawab	15	2.64	2.56
Keseluruhan	52	2.79	2.84

Berdasarkan Jadual 9 di atas, menunjukkan bahawa min keseluruhan tahap konsepsi pelajar dalam domain kualiti peribadi adalah 2.79 manakala daripada tahap konsepsi guru pembimbing pula adalah lebih tinggi iaitu 2.84. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar telah berjaya mencapai kesemua standard kompetensi SGM 2.0 bagi domain kualiti peribadi. Dapatan konsepsi pelajar menunjukkan min yang tertinggi bagi kompetensi domain ini adalah mengamalkan gaya kepimpinan pendidik yang bersifat insaniah iaitu keupayaan untuk menonjolkan keperibadian, perwatakan dan amalan kepimpinan yang dihormati dan disegani 2.96 manakala min kompetensi yang terendah adalah kompetensi menerima kepelbagaian budaya iaitu keupayaan untuk menghormati perbezaan dan persamaan individu lain dan komuniti bagi melaksanakan tanggungjawab iaitu 2.64. Guru pembimbing pula berkonsepsi bahawa kompetensi pelajar menjiwai amalan keguruan dan budaya kerja iaitu keupayaan mengekalkan integriti, kredibiliti dan akauntabiliti untuk memartabatkan profesion keguruan adalah mempunyai min yang tertinggi iaitu 2.98 manakala min kompetensi yang terendah adalah menerima kepelbagaian budaya iaitu keupayaan untuk menghormati perbezaan dan persamaan individu lain dan komuniti bagi melaksanakan tanggungjawab adalah 2.56.

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya IPGM Kampus Ilmu Khas dapat menghasilkan pelajar yang berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0. Walaupun min keempat-empat domain mencapai standard kompetensi SGM 2.0 (min 2.81 – 3.13), dapat dirumuskan bahawa pelajar dan guru pembimbing berkonsepsi bahawa pelajar keluaran IPGMKIK mempunyai kompetensi yang memenuhi keperluan standard SGM 2.0 tetapi perlu mempertingkatkan aspek profesionalisme. Aspek profesionalisme merupakan elemen penting dalam pembentukan guru yang berkualiti. Profesionalisme guru merangkumi etika kerja, komitmen terhadap tugas, integriti, serta kecekapan dalam melaksanakan peranan mereka sebagai pendidik. Kajian lepas menunjukkan bahawa guru yang memiliki profesionalisme yang tinggi bukan sahaja mampu menjalankan tugas pengajaran dengan lebih efektif,

tetapi juga dapat memberikan inspirasi dan memupuk perkembangan moral serta sahsiah pelajar (Ebbie & Talip, 2021). Oleh itu, dalam konteks SGM 2.0, aspek profesionalisme guru pelatih perlu diperkukuh bagi memastikan mereka bersedia untuk menghadapi cabaran dalam dunia pendidikan yang semakin kompleks dan dinamik. Menurut Ismail dan Ramli (2018) peningkatan tahap profesionalisme dalam kalangan guru pelatih memberi kesan positif kepada persepsi guru pembimbing serta pentadbir sekolah terhadap kebolehpayaan graduan dalam melaksanakan tugas mengajar dengan cekap. Tambahan pula, pelajar yang memiliki tahap profesionalisme tinggi cenderung untuk lebih komited dan mampu menyesuaikan diri dengan keperluan semasa pendidikan abad ke-21 (Radin & Yasin, 2018).

Bagi domain orientasi ilmu, skor min tertinggi adalah menguasai dan memperluaskan pengetahuan pedagogi isi kandungan bagi mendapatkan pengetahuan PdP yang mendalam dan pelajar mengikut trend selari dengan perkembangan pendidikan terkini untuk keperluan pendidikan semasa. Ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai ciri-ciri guru yang menguasai subjek yang diajar, arif berkenaan kandungan, mahir dan berketrampilan dalam pedagogi serta dinamik mengikut trend pendidikan terkini. Menurut Nurul Ashikin Md Yatim et al. (2020), penguasaan pengetahuan pedagogi dan isi kandungan (PCK) sangat penting untuk membentuk kompetensi guru yang efektif dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pengetahuan ini bukan sahaja penting untuk menyampaikan kandungan dengan mendalam tetapi juga untuk mengikut trend pendidikan terkini, seperti integrasi teknologi dalam pengajaran. Walaupun kompetensi dalam bidang pengurusan organisasi dan hal ehwal murid mungkin sedikit rendah, pengalaman praktikal di sekolah akan memperkuat aspek ini dalam jangka panjang. Pengalaman praktikal di sekolah, seperti latihan mengajar atau praktikum, memainkan peranan penting dalam meningkatkan kemahiran dan kompetensi guru pelatih. Kajian menunjukkan bahawa tempoh praktikum yang mencukupi dapat meningkatkan kemahiran komunikasi, pengurusan masa, dan penyelesaian masalah dalam kalangan guru pelatih, yang seterusnya menyumbang kepada peningkatan tahap kompetensi mereka (Norlela Ahmad & Nor Atikah Majid, 2018). Ini jelas membuktikan bahawa pengalaman praktikal di sekolah adalah kunci utama dalam memastikan guru pelatih bukan sahaja kompeten dalam aspek pengajaran, tetapi juga dalam pengurusan organisasi dan hal ehwal murid secara menyeluruh.

Domain instruksional menunjukkan skor min yang tertinggi bagi kompetensi keupayaan merancang PdP dengan merujuk kepada dokumen kurikulum terkini untuk membangunkan potensi murid secara menyeluruh dan kompetensi memfokuskan perkembangan potensi murid. Manakala min kompetensi yang terendah adalah kompetensi keupayaan melaksanakan PdP menggunakan pedagogi yang bersesuaian dengan aras keupayaan murid dan keupayaan untuk melaksanakan pentaksiran yang bersesuaian dengan aras keupayaan murid bagi meningkatkan pembelajaran murid. Kajian lepas menunjukkan bahawa meskipun penting untuk memiliki kompetensi dalam merancang pembelajaran, implementasi pengajaran dan pentaksiran yang sesuai dengan kemampuan murid sering kali menjadi cabaran guru (Hamimah & Rohaya, 2014). Hal ini boleh mengurangkan keberkesanan pengajaran dan pencapaian pembelajaran yang lebih baik. Menurut Wijngaards-de Meij & Merx (2018) ramai guru masih belum dapat menyesuaikan aktiviti pembelajaran dalam melaksanakan penilaian formatif yang efektif untuk meningkatkan pembelajaran murid. Ini menunjukkan bahawa guru perlu sentiasa berusaha untuk membangunkan kompetensi mereka sepanjang perkhidmatan mereka secara berterusan.

Domain pelibatan komuniti menunjukkan min yang tertinggi bagi kompetensi melibatkan komuniti untuk membantu pembelajaran murid, termasuk keupayaan melibatkan komuniti dalam memperkaya pengalaman pembelajaran. Kajian menunjukkan bahawa hubungan rapat antara sekolah dan komuniti dapat meningkatkan prestasi pelajar dengan memperluas akses kepada sumber-sumber pembelajaran dan perkhidmatan sokongan (Anderson-Butcher et al., 2022). Komuniti sering kali menyumbang kepada program-program tambahan yang memperkaya perkembangan akademik dan holistik pelajar, termasuk kegiatan selepas waktu sekolah (Hands, 2023). Namun begitu, min kompetensi yang terendah adalah dalam aspek membina jalinan dan jaringan dengan ibu bapa/penjaga serta komuniti luar untuk menyokong pembelajaran murid. Menurut Alinsunurin (2020) salah satu sebab utama adalah kekurangan komunikasi yang berkesan dan kesedaran mengenai pentingnya penglibatan ibu bapa dan komuniti luar dalam pembelajaran. Guru juga mungkin menghadapi kekangan

masa dan sumber, yang membatasi kemampuan mereka untuk aktif membina jaringan dengan komuniti luar. Ini menunjukkan bahawa penglibatan antara sekolah, ibu bapa, dan komuniti masih memerlukan penambahbaikan dari segi strategi komunikasi dan kolaborasi untuk memastikan semua pihak terlibat dalam menyokong pembelajaran murid (Alinsunurin, 2020).

Domain kualiti peribadi menunjukkan skor min tertinggi dalam domain kualiti peribadi, khususnya dalam keupayaan untuk menonjolkan keperibadian, perwatakan, dan amalan kepimpinan yang dihormati serta mengekalkan integriti, kredibiliti, dan akauntabiliti. Ini adalah konsisten dengan kajian yang menekankan pentingnya integriti dan keperibadian yang dihormati dalam kepemimpinan pendidikan (Shambaugh, 2019). Menurut Shambaugh (2019), integriti dan kepemimpinan yang berasaskan nilai adalah komponen penting dalam membina kepercayaan dalam kalangan pelajar dan rakan sekerja, dan ia memainkan peranan kritikal dalam memartabatkan profesion keguruan. Sebaliknya, skor min yang lebih rendah dalam keupayaan untuk menghormati perbezaan dan persamaan individu mencerminkan cabaran dalam mengembangkan kemahiran kepelbagaian budaya dan inklusiviti dalam pengajaran. Hal ini berlaku kerana guru masih menghadapi kesukaran dalam memahami dan menguruskan perbezaan budaya di dalam bilik darjah yang semakin majmuk, yang memerlukan pemahaman yang mendalam tentang isu-isu sensitiviti budaya dan pendekatan pedagogi yang adil (Fontenelle-Tereshchuk, 2020). Menurut mereka, guru perlu terus memperkaya keupayaan mereka dalam menangani kepelbagaian ini untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang inklusif dan menyokong semua pelajar tanpa mengira latar belakang.

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan dan perbincangan, dapat dirumuskan bahawa terdapat banyak ruang dan peluang untuk IPGMKIK merancang dan membangunkan program atau aktiviti yang mengambilkira cabaran baharu ini untuk membangunkan graduan IPGMKIK yang mempunyai karakter guru yang baik serta kompeten dan berjiwa pendidik. Menurut Jamel Abd Baser et al. (2017), setiap latihan dan program pendidikan guru perlu dirangka dan disesuaikan penyampaian kurikulum pengajian berdasarkan standard dan komponen yang telah ditetapkan dalam SGM bagi melahirkan guru yang dapat membangunkan modal insan cemerlang. Selain itu pengkaji juga mencadangkan agar pelajar-pelajar ini mempunyai sikap keterbukaan untuk menerima perubahan dasar seperti MADANI, tujuh (7) teras utama KPM, perubahan tatakelola serta cabaran global yang lain. Sikap terbuka membolehkan guru memahami, menyesuaikan diri, dan mengaplikasikan dasar baharu KPM ini. Dasar ini dirangka untuk memastikan pendidikan yang lebih inklusif, berkualiti, dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran global. Keterbukaan kepada perubahan juga meningkatkan daya adaptasi guru, membantu mereka menyesuaikan amalan pedagogi dengan konteks semasa dan perkembangan teknologi dalam pendidikan (du Plessis et al., 2024).

RUJUKAN

- Alinsunurin, J. (2020). School learning climate in the lens of parental involvement and school leadership: lessons for inclusiveness among public schools. *Smart Learn. Environ.* 7(25), 1-23 <https://doi.org/10.1186/s40561-020-00139-2>
- Anderson-Butcher, D., Bates, S., Lawson, H.A., Childs, T.M., & Iachini, A.L. (2022). The Community Collaboration Model for School Improvement: A Scoping Review. *Educ. Sci.* 12(12), 1-20. <https://doi.org/10.3390/educsci12120918>
- du Plessis, A.E.; Küng, E.; du Plessis, E. (2024). Challenges for Pedagogical Effectiveness in an Ever-Changing Education Landscape: Conceptualisation of Pedagogical Mobility and Flexibility as a Context-Consciousness. *Educ. Sci.* 14, (1-7). <https://doi.org/10.3390/educsci14040349>
- Ebbie, S., & Talip, R. (2021). Kompetensi Profesionalisme Guru dan Kesannya Terhadap Efikasi Pengajaran Guru Luar Bandar Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 241 - 253. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i9.1000>

- Fontenelle-Tereshchuk, D. (2020). Diversity in the Classrooms: A Human-Centered Approach to Schools. *Interchange* 51, (429–439). <https://doi.org/10.1007/s10780-020-09402-4>
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2017). *Buku panduan akademik sesi 2017/2018: Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)*. Institut Pendidikan Guru Malaysia.
- Jamel Abd Baser, Nurul Syahada Mohd Suhaimi, Hasyamuddin Othman, Azman Hasan, Mohd Bekri Rahim, & Mohd Faizal Amin Nur Yunus. (2017). Standard Guru Malaysia dalam program persediaan guru Reka Bentuk dan Teknologi. *Online Journal for TVET Practitioners*, 2(2). <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/4779>
- Hamimah, A. N., & Rohaya, T. (2014). Cabaran Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS): Delima Guru. In *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2014* (pp. 230-242). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).
- Hands, C. M. (2023). School-Community Collaboration: Insights from Two Decades of Partnership Development. In: Cleveland, B., Backhouse, S., Chandler, P., McShane, I., Clinton, J.M., Newton, C. (eds) *Schools as Community Hubs*. Springer, Singapore. https://doi.org/10.1007/978-981-19-9972-7_3
- Hasriadi. (2022). *Strategi pembelajaran*. Mata Kata Inspirasi.
- Ismail, H., & Ramli, M. (2018). Hubungan antara Profesionalisme Guru Pelatih dan Kepuasan Guru Pembimbing. *Jurnal Pendidikan Guru*, 10(3), 45-57.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2020). *Standard Guru Malaysia 2.0 cetakan pertama*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Makhsin, M., Teoh, Y. P., & Ismail, N. H. (2022). Standard Guru Malaysia 2.0 dalam kemenjadian jiwa pendidik. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (46), 327-346.
- Mohd Aizat Abu Hassan., & Kamarudin Musa. (2020). Tahap Profesionalisme Guru Sekolah Kebangsaan di Semenanjung Malaysia. *Management Research Journal*, 9 (2), 37-45.
- Norlela Ahmad, & Nor Atikah Majid (2018). Program Praktikum Sebagai Medium Pengukuhan Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Guru Pelatih. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(2), 17-27. <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2018-43.02-02>
- Nurul Ashikin Md Yatim, Chew, F. P., & Zuraidah Abdullah (2020). Tahap pengetahuan pedagogi guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10 (2), 43-53.
- Orakwue, I. C. (2016). Teacher education and character development of trainee teachers: The challenges and solutions. *International Journal of Research in Education*, 9 (1), 25-34.
- Radin, M., & Yasin, M. A.-M.- zammil. (2018). Pelaksanaan Pendidikan Abad Ke-21 di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Sains Humanika*, 10(3-2). <https://doi.org/10.11113/sh.v10n3-2.1481>
- Rusmini Ku Ahmad (2014). *Preparing schools for the future: Moving away from conventional approach*. Institut Aminuddin Baki

- Shambaugh, R. (2019). Developing character through humility, integrity and inclusivity. <https://shambaughleadership.com/2019/12/10/developing-character-through-integrity-humility-and-inclusivity/>
- Sazali Yusof, Ahmad Sukari Mohamad, & Siti Rohani Mohd Zainn (2018). Jiwa pendidik, kepercayaan dan amalan dalam kalangan guru-guru sekolah rendah negeri Pulau Pinang. *Kolokium Kepimpinan Pendidikan Guru* , 7-9 November, 2018. Hotel Summit USJ.
- Wijngaards-de Meij, L., & Merx, S. (2018). Improving curriculum alignment and achieving learning goals by making the curriculum visible. *International Journal for Academic Development*, 23(3), 219–231. <https://doi.org/10.1080/1360144X.2018.1462187>